



**JABATAN PENGURUSAN HARTANAH
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**MENGKAJI TAHAP KEPUASAN PENGHUNI RUMAH PANGSA KOS
RENDAH DARI ASPEK PENGURUSAN, REKABENTUK, LOKASI DAN
KEMUDAHAN
KAJIAN KES: SEKSYEN 6, SEKSYEN7 DAN SEKSYEN8, SHAH ALAM**

**Satu projek yang disediakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan
Sarjana Muda Pengurusan Hartanah (Kepujian)**

**NORAZAZA BINTI HASSAN
2006130025
SEMESTER JANUARI 2010 - APRIL 2010**


DEKLARASI PELAJAR

Tajuk Projek Akademik:

MENGKAJI TAHAP KEPUASAN PENGHUNI RUMAH PANGSA KOS RENDAH DARI ASPEK PENGURUSAN, REKABENTUK, LOKASI DAN KEMUDAHAN

KAJIAN KES: SEKSYEN 6, SEKSYEN7 DAN SEKSYEN8, SHAH ALAM

Saya mengaku ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah jelas sumbernya.

Tandatangan : 

Nama Penulis : Norazaza Binti Hassan

Tarikh Deklarasi : 23 FEBRUARI 2010

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Syukur alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnian-NYA membolehkan saya menyiapkan projek tahun akhir ini dengan sempurna.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada penasihat akademik saya yang juga selaku penyelia dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir ini iaitu Profesor Dr. Hj. Abdul Hadi Bin Hj. Nawawi. Beliau telah banyak memberikan maklumat yang sangat penting dan bimbingan berguna untuk projek ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua kakitangan kerajaan yang bertugas di jabatan perancang, Majlis Bandaraya Shah Alam kerana telah banyak memberi informasi berkaitan kajian ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberi sokongan dalam menyiapkan projek ini. Kehadiran kalian telah banyak membantu meringankan beban tugas ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam membantu saya menyiapkan tugas ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ilmiah ini adalah bertujuan mengenalpasti elemen-elemen dalam rumah kos rendah yang mempengaruhi kepuasan pengguna. Elemen-elemen tersebut ialah dari aspek pengurusan, rekabentuk, lokasi dan kemudahan. Objektif utama kajian ini ialah mengkaji tahap kepuasan penghuni rumah pangsa kos rendah terhadap rumah yang didiami mengikut elemen-elemen di atas. Kajian ini juga akan mengkaji masalah-masalah yang dihadapi mereka dan mencadangkan penambahbaikan untuk rumah kos rendah.. Bagi mencapai matlamat kajian ini, kajian melalui borang soal selidik, temubual secara lisan dengan responden dan pemerhatian telah dilakukan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan alat-alat penyelidikan seperti kajian perpustakaan, temubual, borang kaji selidik, *likert scale* dan juga menggunakan SPSS (*Statistical Package for the Social Science*). Kawasan kajian yang dikaji ialah Seksyen 6, Seksyen 7 dan Seksyen 8. Hasil Penemuan kajian mendapati kebanyakan responden bersifat neutral iaitu suatu keadaan dimana boleh dikatakan kebanyakan responden merasakan bahawa rumah mereka memberi kepuasan kepada mereka. Walaubagaimanapun, ini tidak bermaksud kesemua penduduk di sini berpuas hati sepenuhnya dengan perumahan kos rendah tersebut. Masih ada responden yang berpendapat tahap kepuasan mereka terhadap rumah dan persekitarannya berada di dalam keadaan yang kurang memuaskan. Ini bermaksud ada banyak lagi ruang untuk pembaikan perlu diberi perhatian dalam menyediakan satu sistem perumahan yang lebih sempurna. Penyediaan rumah kos rendah untuk kegunaan golongan berpendapatan rendah adalah sangat perlu untuk membebaskan mereka darikekangan dan kesusahan ekonomi. Pemilikan rumah sebegini, boleh sekurang-kurangnya mengeluarkan mereka dari kitaran atau putaran kemiskinan dan seterusnya memperolehi keselesaan hidup yang lebih baik daripada sebelum ini.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Muka surat tajuk	i
	Deklarasi Pelajar	ii
	Deklarasi Penyelia	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Senarai Kandungan	vii
	Senarai Jadual	xii
	Senarai Rajah	xv
	Senarai Simbol/Singkatan	xviii
	Senarai Lampiran	xix

BAB 1 PENGENALAN DAN METODOLOGI KAJIAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	2
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Skop Kajian	4
1.5	Kepentingan Kajian	4
1.6	Metodologi Kajian	5
1.6.1	Peringkat Pertama	5
1.6.2	Peringkat Kedua	6
1.6.3	Peringkat Ketiga	6
1.6.4	Peringkat Keempat	7
1.6.5	Peringkat Kelima	8